



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS JALINAN MUHIBAH BERSAMA  
KOMUNITI RAHMAH 2023**

**7 JULAI 2023 (JUMAAT)**

**BAYVIEW HOTEL KUAH, LANGKAWI, KEDAH**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia  
MADANI

## **SALUTASI**

*-disediakan berasingan-*

.....

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama pada malam yang berbahagia dalam Majlis Jalinan Muhibah Bersama Komuniti Rahmah 2023, dengan satu tekad dan harapan iaitu untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian komuniti rahmah selaras dengan aspirasi Kementerian untuk membangun komuniti rahmah.
2. Di kesempatan pada malam ini, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur yang

menjemput saya untuk merasmikan Majlis Jalinan Muhibah Bersama Komuniti Rahmah 2023 di Daerah Langkawi yang indah permai ini.

3. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah serta seluruh jentera perpaduan daerah Langkawi atas pelaksanaan majlis yang amat bermakna pada malam ini.
4. Tujuan program kita pada malam ini adalah untuk:
  - 4.1 Menyediakan platform untuk merapatkan hubungan antara komuniti Rukun Tetangga khususnya dengan pemimpin serta warga Kementerian;
  - 4.2 Meningkatkan kefahaman warga Rukun Tetangga berkaitan dengan program-program komuniti rahmah yang menjadi teras kepada usaha Kementerian untuk membangun komuniti rahmah bercirikan komuniti yang berkasih sayang, saling menghormati, saling

bekerjasama, ambil peduli dan ihsan antara satu sama lain;

4.3 Menyemarakkan semangat kesukarelawanan yang menjadi tonggak penting kepada kejayaan dan keberkesanan program dan aktiviti di peringkat komuniti; dan

4.4 Menyebarkan dan membina jaringan kerjasama yang kukuh antara komuniti Rukun Tetangga dengan agensi-agensi di bawah Kementerian dan juga bersama pelbagai pihak.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya berasa sungguh teruja dapat sampai di Pulau Langkawi yang terkenal sebagai destinasi pelancongan utama di negara kita. Dengan adanya Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) yang berlangusng baru-baru ini, nama Pulau Langkawi bukan sahaja terkenal di dalam negara kita malah juga harum di seluruh pelusuk dunia.

6. Pencapaian ini sudah semestinya lahir daripada perpaduan yang merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum di negara ini. Perpaduan menyatukan kita daripada segala kepelbagaian dan keunikan yang ada.
  
7. Saya juga amat gembira kerana dapat bertemu dengan hadirin sekalian khususnya jentera perpaduan di daerah Langkawi yang terdiri daripada kepimpinan Rukun Tetangga, anggota Skim Rondaan Sukarela atau SRS, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan, Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas dan Skuad Uniti. Saya difahamkan, pada masakini terdapat sebanyak 27 Kawasan Rukun Tetangga dan sembilan (9) buah Tabika Perpaduan di Daerah Langkawi.

YBhg. Datuk, Dato' dan hadirin sekalian,

8. Pada 19 Januari 2023, YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan konsep Malaysia MADANI dengan memberi fokus kepada enam (6) tonggak iaitu:-

- i) Kemampanan**
- ii) Kesejahteraan**
- iii) Daya cipta**
- iv) Hormat**
- v) Keyakinan; dan**
- vi) Ihsan**

9. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan perpaduan, kita perlu berganding bahu untuk menjayakan gagasan Malaysia MADANI ini serta mendukung keenam-enam tonggak tersebut. Gagasan yang baik dan menyeluruh ini pasti tidak akan berjaya tanpa sokongan rakyat secara keseluruhannya.
10. Saya amat yakin dan percaya, gagasan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri akan mempercepatkan lagi proses pembinaan negara yang bersatu padu serta usaha mengangkat martabat agama, bangsa dan negara.
11. Semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia juga perlulah ditingkatkan. Justeru itu, saya menyeru semua agensi di bawah Kementerian Perpaduan

Negara untuk menterjemahkan program-program yang sesuai untuk membangun komuniti rahmah khususnya dalam usaha memahami budaya dan adat resam masyarakat majmuk di negara ini.

12. Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) antara lain bertujuan untuk membantu kerajaan dalam usaha memupuk semangat muhibah dan kerjasama dalam kalangan penduduk di kawasan kediaman masing-masing. Peranan ini perlulah sentiasa selari dengan isu, cabaran serta keperluan semasa agar peranan KRT sentiasa relevan dengan arus pembangunan negara.
13. Mulai tahun 2021, peranan KRT telah diperkukuhkan lagi melalui 4 Agenda Gerak Kerja KRT iaitu:-
  - a) Gerak Kerja KRT Sejahtera
  - b) Gerak Kerja KRT Selamat
  - c) Gerak Kerja KRT Sihat
  - d) Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah

14. Pada 24 Jun 2023 yang lalu, Kementerian melalui kluster Komuniti Rahmah iaitu Program Gerak Rahmah telah melaksanakan **Jom Bersih dan Indah** dengan penyertaan sebanyak **4,818 KRT** di seluruh negara. Program ini telah berjaya mencapai sasarannya dan memberi manfaat yang besar kepada komuniti. Terima kasih kepada semua KRT dan semua pihak yang telah sama-sama menjayakan program ini.
15. Saya yakin dan percaya bahawa program yang dianjurkan secara serentak di seluruh negara ini telah memberikan impak yang sangat positif kerana ia mampu **dilihat, didengari dan dirasai** oleh rakyat di seluruh negara.
16. Bagi menggerakkan program-program KRT, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan geran tahunan sebanyak RM6,000.00 kepada setiap KRT yang aktif sebagai inisiatif untuk KRT melaksanakan pelbagai aktiviti. Bagi menyebarkan lagi program dan mesej-mesej perpaduan, saya menyeru agar kepimpinan KRT meningkatkan kerjasama dengan agensi-



agensi kerajaan, NGO-NGO dan pihak swasta yang lain agar program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat memberi impak yang lebih tinggi dan menyeluruh.

YBhg. Datuk, Dato' dan hadirin sekalian,

17. Sehingga kini, terdapat sebanyak **1,781** buah Tabika Perpaduan diseluruh negara. Daripada jumlah ini, terdapat 107 buah Tabika Perpaduan di Negeri Kedah dan 9 daripadanya ada di Daerah Langkawi.
  
18. Pengoperasian Tabika Perpaduan tertumpu di bandar dan pinggir bandar dengan matlamat menyediakan peluang pendidikan awal kanak-kanak sebagai persediaan sebelum memasuki alam sebenar persekolahan darjah satu kelak. Selama pembelajaran di Tabika Perpaduan adalah diharapkan dapat membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan serta membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep sendiri. Dari segi sejarahnya, sejak kewujudan Tabika Perpaduan

pada tahun 1976 hingga kini, maka konsep pemupukan semangat cintakan negara dan perpaduan akan terus kita semai, pupuk dan murnikan.

## **PENUTUP**

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program malam ini.
20. Saya ingin menyeru kepada seluruh warga pendidik iaitu guru dan penolong guru Tabika Perpaduan di seluruh negara agar terus menjalankan tugas dengan jujur, amanah dan berdedikasi dalam mendidik anak bangsa. Bak kata pepatah, 'Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya'. Terima kasih kepada ibu bapa yang memilih Tabika Perpaduan sebagai *Pilihan No 1 ibu bapa*.
21. Kepada semua pemimpin KRT di Daerah Langkawi, guru dan penolong guru Tabika Perpaduan serta

seluruh warga JPTP, saya menyeru teruskanlah iltizam dan usaha untuk melaksanakan apa jua program yang boleh merapatkan serta mengekalkan hubungan silaturahim antara semua komuniti rahmah. Dengan izin Tuhan, saya yakin dan percaya usaha ini pasti membuahkan hasil yang lumayan jika dilaksanakan dengan penuh komitmen dan konsisten.

22. Akhir kata dengan penuh gembira dan kesyukuran, saya dengan ini **'merasmikan Program Jalinan Muhibah Bersama Komuniti Rahmah 2023 Peringkat Daerah Langkawi'**.

Sekian terima kasih.